

WACANA BAHASA DALAM TEORI SASTERA PASCAMODEN

Mana Sikana

Abstrak

Bahasa mempunyai kedudukan yang istimewa dalam dunia kesusasteraan. Bahasa telah lama dianggap sebagai alat kepada dunia sastera. Melalui pengantaraan bahasa, pengarang secara kreatif membina naratif atau penceritaannya. Teori pascamoden pula telah menjadi bahasa sebagai wacana, ini dapat dibuktikan dalam kajian strukturalisme, semiotik, dan pascastrukturalisme. Perbicaraan dunia sastera sebenarnya perbicaraan bahasa dan wacana. Malah, muncul sebuah teori yang semata-mata melihat sastera daripada jurus pandangan bahasa, iaitu stilistik. Dalam tulisan ini cuba membincangkan segala wacana itu, supaya dapat dilihat peranan dan penilaian bahasa dalam dunia teori sastera.

Abstract

Language has always held a distinctive status in the world of literature. It has long been regarded as a tool in the literature world. Through language, an author creatively generates a narration or storyline. Post-modern theories have utilised language as a discourse as manifested in the analysis of structuralism, semiotic and post-structuralism. The discussion in the world of literature is actually a discussion on language and its discourse. In fact, a theory called stylistic was born solely to analyse literature from the viewpoint of language. This article attempts to discuss all the discourses so that we will be able to see the roles and evaluation of language in the world of literature theory.

PENDAHULUAN

Bahasa menjadi agenda perdana dalam arus perkembangan keilmuan teori pascamoden. Sama ada sebab pertumbuhannya atau kaedah analisis tekstual oleh mana-mana teori pascamoden banyak tertumpu kepada aspek bahasa. Bahasa tidak hanya sebagai alat, seperti yang difahami di kalangan kritikan moden, bahkan sebagai wacana, wacana kepada dunia pascamodenisme itu sendiri. Dalam makalah ini penulis akan mula masuk dengan bahasa dalam teori sastera strukturalisme dan menjadi zaman transisi dari teori moden ke pascamoden.

BAHASA TEORI STRUKTURALISME

Strukturalisme berasal daripada linguistik Ferdinand de Saussure (1857–1913) yang merupakan suatu cara berfikir tentang dunia yang secara khusus memerhatikan presepsi dan deskripsi tentang struktur mengkaji fenomena mitos dan ritual untuk melihat sistem tanda. Dalam sistem bahasa Saussure mengandungi *sign*, *signifier* dan *signified* iaitu tanda, penanda dan petanda. Tanda ialah simbol atau lambang daripada sesuatu benda atau perkara. Penanda ialah sesuatu yang membawa makna. Petanda ialah makna atau konsep yang dihasilkan daripada interpretasi penanda. Dengan itu bahasa adalah suatu proses identifikasi tanda yang memiliki makna untuk sampai kepada makna.

Tegasnya, de Saussure mengkaji dalam bahasa adanya susunan atau struktur dengan konsep utamanya *sign* dan *meaning* atau bentuk dan isi, atau *paradigmatic* dan *syntagmatic*, yang kemudiannya di dalam sastera melahirkan *signifier* – *signified* atau petanda dan penanda. Kajian utama de Saussure ialah linguistik struktural dan teori tanda, yang diresapi oleh pemikiran Meillette, Humboldt, dan Whitney dan pemikirannya selari dengan Jacobson, Levi Strauss, Peirce, dan Barthes. Dua orang pelajarnya setelah kematiannya mengumpulkan siri kuliahnya lalu menerbitkan *Course in General Linguistics* (1983) yang penerbitan asalnya pada tahun 1900, yang menjadi dasar pemikiran dan teks pegangan.

Dalam pemikiran prastrukturalisme bahasa mendapatkan makna melalui penyusunan sejarah dan asal usul bahasa; tetapi di kalangan strukturalisme hanya bahasa memainkan peranan penting dalam pencarian makna itu. Sesuatu makna adalah sebagai fungsi dari sebuah sistem bahasa, dan sistem itu membentuk struktur sastera; dan mempunyai hubungannya dengan sistem kehidupan. Tegasnya dengan memantau segala peraturan umum yang

bertugas membentuk dan mengawal sistem kehidupan masyarakat seperti yang dinarasikan oleh pengarang dalam teksnya. Justeru itu, teori ini mengambil penekanan kepada fungsi individu yang mengawal sistem hidupnya. Dengan demikian strukturalisme dalam kritiknya cuba menganalisis pengawalan hidup dalam sesebuah teks, yang dikatakan pengawalan hidup sesebuah teks itu adalah segala unsur yang menjalin teks seperti kaitan, keseluruhan, hubungan, transformasi, kawalan diri, dan sebagainya.

Strukturalisme juga menyatakan bahawa bahasa bukanlah suatu cara menamakan sesuatu perkara atau konsep tetapi suatu sistem pembeza perkara atau konsep dan berlaku secara arbitrari. Ertinya, hubungan di antara penanda dan petanda itu tidaklah rigid dan mutlak sebaliknya bersifat sementara dan hanyalah mengandungi perbezaan. Justeru itu, bahasa tidak lain adalah tanda-tanda iaitu simbol-simbol dan terlihat seperti mainan belaka. Dengan hal demikian de Saussure lebih mengutamakan *langue*, bahasa sebagai satu sistem, dari *parole*, iaitu ucapan. Kenyataan ini menunjukkan pada tanggapannya bahawa ucapan lebih utama daripada tulisan. Sesebuah ucapan didahului oleh pengucap atau penuturnya; dengan ucapan juga manusia berkomunikasi dan mengenal sosial dan budayanya, dan dengan ucapan manusia menguasai dunianya. Dapatlah dirumuskan bahawa bahasa bagi Saussure merupakan perlambangan dan maknanya tersembunyi di sebalik perlambangan itu. Makna berlapis-lapis dalam struktur bahasa atau karya, malah struktur itu sendiri dapat menandakan adanya makna. Bahkan, makna-makna itu sendiri tidak pernah jelas dan menjelaskan dirinya. Pendekatan strukturalisme ini tentu berbeza dengan pendekatan sebelumnya yang bertugas mencari makna dan makna dapat dijelaskan. Tegasnya, makna bukanlah mudah untuk dicari, dan mencari makna bukanlah sesuatu yang utama.

Konsep sifat mainan bahasa juga mengandungi konsep hubungan pembeza, dan dengan itu bertindak sebagai wasilah untuk manusia mengenal dunia luarnya. Sifat bahasa seperti ini belum pernah terbayang sebelumnya dan kelihatan agak aneh, justeru dalam bahasa terdapat unsur permainan dan unsur pembeza sekali gus, yang dengan demikian makna bahasa dan makna karya menjadi tidak begitu nyata. Dari suatu segi, Saussure menegaskan akan kepentingan ucapan daripada tulisan. Bahasa yang diucapkan bererti wujud penutur yang mengawal dan menentukan kesesuaian dan segala peraturan bahasa untuk melahirkan makna yang stabil.

Saussure juga mengkhazanahkan suatu warisan berharga melalui konsep *binary opposition* atau oposisi binari, yang dapat diterjemahkan sebagai pertentangan sepasang iaitu putih/hitam, tinggi/rendah, kaya/miskin dan

seterusnya; kata-kata yang awal itu lebih berharga dan bernilai serta menimbulkan hierarki pula. Bagi Saussure, bahasa ialah suatu sistem tanda yang berfungsi melalui sistem koda oposisi binari. Dalam konteks ini, yang lebih penting ialah oposisi binari sintagma/paradigma, yang jika dibawa dalam penghasilan karya sastera akan menghasilkan teks-teks yang tinggi nilainya. Sebagai contoh dalam unsur paradigmatic bahasa melibatkan persepsi keserupaan yang dapat menimbulkan metafora, sementara sintagmatic mencakup suatu persepsi kedekatan yang dapat menimbulkan metonimi. Apa yang lebih penting dari pengembangan oposisi binari ini ialah apabila digunakan dengan meluasnya dalam teks-teks sastera dengan menghasilkan penandaan, lalu pentafsirannya memerlukan suatu lagi teori iaitu semiotik. Dapatlah dikatakan bahawa semiotik juga merupakan medan pertempuran Saussure (Appignanesi, Richard dan Garratt, Chris, 1999:57-60).

Tetapi dalam konteks strukturalisme di sini, didapati bahawa bagaimana konsep bahasa Saussure dan bagaimana strukturalisme bekerja ke arah pembentukan kesatuan teks, iaitu pengindikasian semua elemen dan aspek diatur sesuai dengan kaedah kombinasi integral. Teori ini melihat teks sastera sebagai jalinan sebuah struktur yang kompleks. Segala unsur yang membentuk karya itu perlu dibedah dan dianalisis, dengan berbuat demikian makna keseluruhan teks akan dapat dijelmakan. Teori ini juga mengingatkan bahawa sebuah teks merupakan jalinan keseluruhan segala aspek yang membentuknya, pembentuknya ialah kaitan, keseluruhan, transformasi, kawalan diri, sinkronisme dan desentralisasi subjek. Kaitan dimaksudkan dengan gagasan teks dan pembentuk susunan strukturnya saling berkaitan antara satu dengan yang lain dalam cernaan teks. Keseluruhan ialah prinsip bahawa karya sebagai sebuah sistem, maka semua sistem yang membentuk karya itu mesti dikaji tanpa menghilangkan satu meninggalkan mana-mana bahagian pun. Transformasi bererti bahawa teks sastera mempunyai hukumnya sendiri untuk berkembang, seperti kekuatan strukturaliti yang akan membentuk karya yang *avant garde* dan inovatif. Kawalan diri ialah pegangan bahawa setiap teks mempunyai diri sendiri, maka analisis hanya bersekitar dalam lingkungan strukturalitinya tanpa menyandar pada sebarang unsur luaran. Sinkronisme melihat jalinan yang membentuk sistem teks dan mengaitkannya dengan hubungan yang ada pada suatu masa tertentu, sistem tidak dibentuk oleh proses *historis*, justeru itu, penelitian menumpukan bahasa dan peraturan-peraturannya yang membentuk teks sastera tersebut. Desentralisasi subjek pula bererti dalam pandangan strukturalisme bahawa unsur sejarah dan pengarang harus diabaikan dalam membentuk makna teks.

Bahasa dalam Teori Pascastrukturalisme

Pascastrukturalisme merupakan fahaman yang menandakan berakhirnya strukturalisme dengan kematian penentangan itu, dan ini menunjukkan bahawa kepercayaan terhadap kekuasaan struktur dalam fikiran manusia dan kebakuannya dalam berkarya telah dimusnahkan. Strukturalisme dikatakan terlalu bersifat 'dematerialisasi' dan formalisme, iaitu analisisnya terlalu mementingkan permukaan dan mengabaikan dalaman, serta teknik yang terlalu analitikal ke arah pembentukan strukturalistik dan orientasi analisisnya pun terlalu menekankan fungsi sastera dan kurang menumpukan pencarian makna. Strukturalisme memiliki kelemahan yang mendasar, yang tidak boleh lagi bertahan dengan landaan teks-teks yang baru.

Pertumbuhan pascastrukturalisme daripada pemikiran Bakhtin yang menolak definisi bahasa Saussure, bahawa penanda dan petanda saling berjuang melahirkan konflik antara keduanya dan makna bahasa juga merupakan suatu proses yang datangnya daripada sosial. Masyarakatlah sebenarnya yang banyak menentukan makna sesuatu kata. Sering terjadi dialog antara penuturnya dan makna bahasa terhasil daripada hubungan dialogisme tersebut. Menurut Madan Sarup (*Post-structuralism and Post-modernism* 1993), terdapat tiga kumpulan pascastrukturalisme ini. Pertama, Derrida, Kristeva, dan Barthes. Kedua, Deleuze dan Guattari. Ketiga Foucault, Baudrillard, dan Edward Said.

Pascastrukturalisme dapat didefinisikan sebagai suatu proses membongkar segala apa juga yang dipercayai tentang sistem-sistem bahasa, teks, kesatuan, transformasi dan segala istilah lain untuk membebaskan teks dengan peraturan yang dikatakan penuh dengan kepalsuan dan kepura-kepuraan. Menurut Raman Selden dan Peter Widowson (1993), banyak pemikiran pascastrukturalisme adalah kajian dan kedudukan bahasa dalam sastera antaranya semiotik, bahasa dan bawah sedar, konsep wacana, dan sebagainya.

Semiotik adalah teori tentang tanda-tanda, yang telah membuka era baru dalam kajian bahasa dan sastera, juga penjana utama kelahiran pascamodenisme, telah dibuktikan dapat membantu menyelesaikan makna-makna tanda dalam penulisan. Mempunyai konsep, prinsip, dan kaedah yang jelas dan bercontoh, semiotik dengan cepat telah mempengaruhi dan menarik minat sebahagian besar penulis, pengkaji, penyelidik, dan pengkritik bahasa dan sastera. Tidak sahaja tetap berdiri sebagai sebuah teori yang mantap di zaman pascamoden ini, juga pengaruhnya sangat besar dalam menghasilkan karya bahasa terutamanya sastera. Mengambil contoh Umberto Eco, yang pada asalnya seorang peminat sastera popular, setelah mempelajarinya dan

telah berhasil mencipta pendekatan tersendiri, berjaya pula menghasilkan karya novel semiotik seperti *The Nama of the Rose*, 1983, *Foucault's Pendulum*, 1989 dan *The Island of the Day Before*, 1995. Novel terakhirnya dianggap sebagai teks kanun pascamoden. Sekarang, semiotik telah digenrekan kepada teks-teks sastera, lahir novel, cerpen, dan novel semiotik. Genre teks semiotik di samping teks-teks pascamodenisme yang lain seperti pastis, kits, lotta, dan realisme magis, metafiksiyen dan new historiografik menjadi medan pengkaryaan dan kesusasteraan dunia. Di Malaysia juga sedang dan telah bergerak ke arah itu. Teori semiotik sungguh bermakna, fungsional, dan signifikan, justeru keseluruhan teks tersebut menjana tanda-tanda.

Dalam disiplin linguistik, semiotik digunakan untuk mencari makna-makna dalam penulisan dan retorik. Sebagai contoh teori relevan oleh Sperber dan Wilson, dan teori sintagmatik yang dikemukakan oleh Harland (1993) adalah menggunakan skema dan mekanisme semiotik dalam memberi makna. Teori relevan dapat menyelesaikan persoalan yang timbul dalam kekaburan makna dan mampu mengatasi aspek-aspek yang berhubungan persoalan teks dengan konteks dan kesan konteks serta menjelaskan makna antara penutur dengan pendengar. Teori sintagmatik pula mampu berhadapan dengan ambiguiti, keremangan dan pergandaan tanda-tanda dalam bahasa, sehingga menghasilkan makna yang tepat dan jitu.

Jelas Harland ... *Syntagmatic theory furnishes alternative terms and makes the twentieth century principles look much less plausible Syntagmatic Theory casts a whole new light upon the relation between number of words and quantity of meaning* (1993:180 dan 183). Telah ditunjukkan bahawa yang menariknya dalam konteks Islam, Mohammed Arkoun, seorang ilmuwan Muslim terkini dalam bukunya *Kajian Kontemporer al-Quran* telah menggunakan teori semiotik dalam memberi makna ayat-ayat suci al-Quran, analisisnya terhadap *Surah al-Fatimah* dan *Surah-surah Lazim* lainnya, dan ternyata analisisnya sangat bermakna kerana dapat mencungkil rahsia dalam ayat-ayat tersebut dan berperanan untuk mengijazkan al-Quran dan mengukuhkan akidah.

Bagaimanapun, semiotik telah mengalami perubahan sesuai dengan pandangan hidup zaman baru. Tokoh pascamodenis itu mencadangkan penafsiran makna semiotik haruslah menggunakan kaedah pragmatik, iaitu menyusur makna pada tahap produksi dan konsumsi tanda-tanda, ini selari dengan dunia yang mementingkan konsumerisme dan pluralisme. Foucault sendiri mencadangkan bahawa tanda-tanda harus dihuraikan dalam konsep yang begitu banyak dibicarakannya, iaitu *discourse* atau wacana (1980).

Justeru bahasa merupakan wacana, tempat semua praktikal sosial, maka bahasa juga dapat dianggap sebagai tempat membentuk individu dalam sistem sosial. Maka pemaknaan tanda-tanda harus merujuk kepada situasi itu dan menggalakkan pertukaran makna sesuai dengan sifat pluralisme dalam pascamoden. Makna atau petanda yang sering berubah dan berbeza-beza yang ada pada teori semiotik haruslah diperkukuhkan atau dipersuaikan supaya mendapatkan dengan yang tepat dan stabil. Richard Halland menyatakan polimakna atau polisignifikasi yang menjadi pegangan semiotik sebenarnya melemahkan kepercayaan orang kepadanya dan apabila berhadapan dengan teks pascamoden harus berkemampuan mendapatkan petanda yang jitu dan bersatu (1993). Dalam zaman pascamoden ini tanda begitu mudah digunakan. Mengikut Baudrillard (1981) timbul semacam permainan tanda-tanda, kelihatan juga yang dipentingkan penandanya, bukan petandanya, makna seperti sudah mati pada zaman ini.

Apa pun yang dikatakan oleh pemikir pascamodenis, pada keseluruhan mereka tetap bersetuju betapa penting teori semiotik dalam memahami bahasa yang kaya tanda pada zaman pascamoden itu. Meskipun semiotik seharusnya membuka ruang untuk mengungguli dirinya dalam konteks berhadapan dengan zaman, tidak ada siapa pun yang tidak merasakan pentingnya teori ini untuk pemahaman. Namun mereka berpendapat, seandainya hayat semiotik ingin diperpanjangkan dan disesuaikan dengan zaman, maka makna yang stabil dan kukuh tidak boleh dipertahankan lagi. Dengan sendiri ajaran strukturalisme yang diajarkan berasas kepada pemikiran Saussure telah mengalami perlanggaran dan penentangan. Akhirnya kerana perlanggaran dan tekanan yang begitu kuat, semiotik terpaksa mengalami perubahan dari segi operasi pemaknaannya.

Konsep Wacana

Konsep wacana dikemukakan oleh Foucault dengan mencadangkan bahawa tanda-tanda harus dihuraikan dalam konsep yang begitu banyak dibicarakan iaitu *discourse* atau wacana (1980). Justeru bahasa adalah wacana, tempat semua praktikal sosial, maka bahasa juga dapat dianggap sebagai tempat membentuk individu dalam sistem sosial. Maka pemaknaan tanda-tanda harus merujuk kepada situasi itu dan menggalakkan pertukaran makna sesuai dengan sifat pluralisme dalam pascamoden. Makna atau petanda yang sering berubah dan berbeza-beza yang ada pada teori semiotik haruslah diperkukuhkan atau disesuaikan supaya mendapatkannya dengan tepat dan stabil.

Foucault dalam analisis akademiknya sebenarnya menyentuh tentang

konsep kuasa, kuasa dan hubungannya dengan pengetahuan, kuasa dengan disiplin, kuasa dengan seksualiti dan kekuasaan atas kekuasaan. Dalam beberapa hal pandangannya bertentangan dengan pemikiran Marxisme atau yang dibawakan oleh Althusser tentang konsep penguasaan budaya dan materialisme. Yang penting dalam menjana konsep kekuasaannya dan tidak mahu terikat pada konsep pemaknaan yang dikemukakan oleh golongan strukturalisme dan semiotik konvensi. Baginya penanda dan petanda tidak ada hubungan kaitan dan rasionaliti, oleh itu sebuah simbol boleh melahirkan makna yang pelbagai. Pandangan ini sudah tentu bertentangan dengan strukturalisme.

Dalam bukunya *The Archaeology of Knowledge*, Foucault membuat kenyataan bahawa tanda-tanda sekarang ini mengalami perubahan yang amat drastik dan dinamik. Setiap hari orang mencipta tanda-tanda, dan maknanya pula dipelbagaikan dan tidak tetap. Inilah wajah wacana dunia hari ini. Kadang-kadang pula ada di antara tanda yang diberikan dengan makna yang hendak disampaikan tidak mempunyai pertalian. Maknanya bebas, namun tetap mempunyai makna-makna yang tersembunyi. Semakin banyak makna, semakin ditemukan makna yang tersembunyi semakin tanda itu bernilai dan berharga. Lalu subjek-subjek yang membawa makna itu pun sekali gus akan berharga lagi.

Dekonstruksi memulakan serangan terhadap seluruh tradisi pemikiran rasionalisme Barat dan dasar strukturalisme dengan mengajak masyarakat melakukan pembongkaran, penggalian dan penyusunan semula segala falsafah dan pandangan terhadap hidup. Derrida mengemukakan konsep logo sentrisisme yang menginginkan sebuah bahasa yang rasional yang jitu dan sempurna untuk mampu melukiskan dunia nyata. Makna hanya akan muncul hasil perhubungan antara tanda-tanda dengan dekonstruksi mampu mengupas lapisan konstruksi makna. Sementara dalam *difference*, Derrida menjelaskan ini sebagai mekanisme untuk mengungkapkan apa yang mendasari makna dalam sesebuah teks. Dan teks selalu bersumber kepada yang lain dan tidak pernah muncul secara mandiri. Dekonstruksi berhasil membinasakan ikatan-ikatan dan undang-undang yang mengikat strukturalisme dan *the new critics*; tetapi kemudiannya mempengaruhi kemunculan zaman baru pascamoden. Pada dasarnya bagi dekonstruksi sesebuah teks harus dilakukan penggalian perungkaian dan mensistematis-kannya semula. Isi teks selalu berada dalam keadaan bertentangan dan terjadi di sana sini kekosongan, lompong atau vakum. Dekonstruksi sentiasa meragukan kepastian yang ditanam dalam proses kritikan dan matlamat kritiknya ialah untuk menyingkap artikulasi tersembunyi dan fragmentasi

yang terpecah-pecah dengan melakukan penggalian dan penyempurnaan semula peranan bahasa dalam sastera (Norris, Christopher, 1983).

Sementara istilah *skizofrenia* dalam dunia sastera mula dipopularkan oleh Deleuze. Beliau menyatakan bahawa masyarakat terkini sudah memasuki apa yang dinamakannya sebagai masyarakat skizofrenik, iaitu produk, gaya, citraan, imej dan simbol-simbol kaya dengan segala pertandaan; telah terjadi segala hutan rimba pertandaan dalam budaya hidup manusia kini, tanda-tanda itu silang-menyilang dan tindih-menindih antara satu sama lain, saling kontradiktif dan saling bertentangan. Dunia penuh tanda dan kegilaan dengan permainan simbol-simbol itulah yang dinamakan sebagai gejala *skizofrenia*.

Deleuze membuktikan dalam analisisnya bahawa dunia sastera telah memasuki alam *skizofrenia* yang kaya dengan segala pertandingan dan antara satu sama lainnya pula saling berlawanan dan penuh kekacauan. Tanda-tanda itu juga sering mengembara dari satu tempat yang lainnya, dari produk ke produk yang lainnya dengan membina makna yang berbeza dengan sebelumnya. Tanda bunga telah berubah-ubah dan setiap perubahan membina makna yang lainnya. Dengan itu makna tidak pernah stabil dan menimbulkan pencarian, analisis dan harus menemukan makna yang lain pula. Dengan itu makna sering tidak stabil (Selden, Raman and Widdowson, 1993:143–144).

Konsep kekuasaan menjadi agenda nombor satu dalam perkembangan bahasa dalam budaya sastera. Zaman baru di sini bererti suatu zaman yang cuba melampaui zaman moden sebelumnya. Keadaan ini juga ada hubungannya dengan situasi politik dan sosial antara bangsa atau gejolak perkembangan dunia secara global. Akibat daripada peperangan demi peperangan, kekacauan demi kekacauan dan sebagainya sehingga dirumuskan muncul suatu zaman yang dinamakan zaman penuh *chaos*; seperti terlihat dalam pentas kehidupan sering terjadinya perebutan kuasa atau usaha cuba mempertahankan kuasa. Untuk berkuasa seseorang itu melakukan apa sahaja. Dan untuk berkuasa juga, segala-galanya halal dilakukan asal sahaja dapat meneruskan kekuasaan yang dimilikinya. Pendeknya zaman ini hukum yang mengatur masyarakat kontemporari ialah hukum *chaos* itu.

Segala-galanya itu diperhatikan oleh pengarang, lalu dijadikan bahan penulisan teks-teks kreatif. Muncullah istilah *political dimension* yang menjadi motif dan teras penciptaan teks-teks kreatif tersebut. Sementara itu peneliti dan pengkaji sastera juga melihat gejala itu sebagai sesuatu yang bermakna dalam penelitian sastera. Terdapat pengarang yang

menggunakan media kreatif untuk membelasah politik tersebut. Dan pengkaji pun merumuskan bahawa aspek atau dimensi kekuasaan telah menguasai dunia sastera. Bahkan, di situlah juga terletak betapa pentingnya dunia sastera zaman baru ini. Konsep kekuasaan dalam sastera menjadi salah satu fokus perbincangan yang penting dalam kehidupan budaya sastera.

Foucault (1980), seorang yang banyak mengkaji konsep kekuasaan dalam sastera ini. Dalam pandangannya, kekuasaan dapat digerakkan melalui kesedaran pensejarahan, iaitu dengan kembali dan belajar daripada sejarah. Segala-galanya itu perlu perenungan dan didiskusikan dalam konteks keilmuan atau wacana. Pandangan Marxisme dalam konteks pembangunan dan perubahan hidup semula dalam bentuk baru dan kembali menanyakan peranan politik dan kekuasaan. Penilaian sastera juga perlahan demi perlahan, seperti yang dilakukan oleh feminisme baru juga dalam konteks mencari kekuasaan, khasnya kekuasaan wanita, semua itu turut membina dan mengukuhkan konsep kekuasaan dalam sastera. Akhirnya konsep kekuasaan menjadi arus perdana dalam dunia sastera dan menjadi ciri dan dasar penting bagi sebuah bentuk sastera zaman baru. Tidak dinafikan dalam zaman sebelumnya juga sudah ada apa yang dinamakan konsep kekuasaan itu; tetapi dalam zaman baru ini, konsep tersebut semakin dominan, menyerlah dan maha penting. Dengan memasuki atau kehadiran konsep kekuasaan itu, pengkaji sastera kemudiannya merumuskan bahawa sebagai suatu pertanda kemasukan dunia sastera ke suatu daerah yang dinamakan pascastrukturalisme untuk bertolak ke pascamodenisme.

Bahasa Sebagai Wacana Bawah Sedar

Teori psikoanalisis Jacques Lacan adalah merupakan penilaian semula terhadap teori klasik Freud, ada aspek Freud yang masih dikekalkan seperti konsep dan fungsi kejiwaan, tetapi ada yang diubah seperti istilah-istilah untuk mengenal dunia kejiwaan itu. Fikiran-fikiran itu pula, Lacan hubungkan dengan strukturalisme Saussure. Tegasnya, teori sastera Lacan sebenarnya adalah cantuman psikoanalisis Freud dan teori strukturalisme Saussure.

Asas kepada teorinya ialah *unconscious structured like a language*, bawah sedar terstruktur seperti sebuah bahasa. Dengan perkataan lain bahawa tidak sedar itu dapat distrukturkan seperti juga bahasa yang mempunyai strukturnya, dan tidak sedar itu adalah manifestasi bahasa. Bawah sedar boleh didekati, difahami, dianalisis, dan dimaknai justeru

tersusun seperti bahasa. Seperti dimaklumi bahasa mempunyai sistem yang tersendiri dan menyimpan makna, maka begitulah juga bawah sadar itu. Dengan sendiri teori Lacan juga amat mementingkan bahasa, baginya bahasa adalah sebuah wacana dan meletakkan betapa pentingnya bahasa dan menjadikannya sebagai salah satu dasar teorinya. Pemikiran dasar Lacan tentang bahasa adalah sebagai tenaga untuk pembentukan individu. Dengan penguasaan bahasa seseorang itu mengenal diri, keluarga, alam sekitar, dan masyarakatnya. Mengenal diri ertinya pembentukan subjek. Fungsi bahasa bukanlah untuk tujuan komunikasi tetapi sebagai tempat untuk subjek memperoleh dirinya dan memenuhi keinginannya. Subjek itu pula tidak akan sampai ke tahap kewujudannya sehingga dia sampai ke peringkat sadar, iaitu dapat membina konsep sadar, mengenali, dan menguasai ibu bapa, keluarga, dan persekitarannya, dengan itu membawanya mengenal latar kehidupan dan masyarakat dunia yang dimasukinya (Mellard, James M., 1991:92).

Bawah sadar dikatakan mempunyai susunan atau sistem, mampu membina tanda, metafora dan simbol, dengan demikian bawah sadar merupakan ikonik sebuah bahasa, dengan kata-kata lain menurut Lacan sesungguhnya bawah sadar manusia hanya wujud atau berfungsi setelah manusia mengenali dan mempelajari bahasa. Fikiran terstruktur dan menjadi *real* ke dalam amalan sosial. Bawah sadar yang dikatakan terstruktur sebenarnya juga yang membezakan – perbezaan besar – antara Lacan dengan Freud. Lacan menyatakan bahawa konsep psikoanalisis Freud adalah tidak saintifik, apalagi dilandaskan kepada konsep mimpi, dan beberapa istilah yang digunakan Freud adalah kabur dan sukar untuk dihuraikan. Kesukaran untuk menghuraikannya, menjadi bawah sadar sesuai yang abstrak, sukar ditanggapi dan tidak dapat dipastikan kewujudannya. Istilah id, ego, dan super ego hanyalah kenyataan yang tidak terbukti dengan saintifik. Justeru itulah Lacan cuba mensaintifikkannya dengan menyatakan bahawa bawah sadar terstruktur seperti bahasa. Apabila sesuatu itu ada strukturnya, maka wujudlah subjeknya.

Kepada Lacan bahasa merupakan wacana, di sinilah terjadinya segala praktis sosial. Dengan bahasa juga sebagai wahana pembentuk individu dalam sistem sosial. Dengan itu manusia adalah subjek iaitu individu sebagai pengguna bahasa yang mengalami perkembangan bahasa dan perubahan segala tanda petanda. Lacan juga menemui bahasa yang disebutnya sebagai *skizofrenia* yang kaya dengan pelbagai tanda dan makna yang tidak dapat ditentukan. Yang penting beliau melahirkan teks skizofreni dan watak-watak yang bersifat skizofrenik.

Stilistik Kajian Bahasa Sastera

Kita telah menyaksikan bagaimana wacana bahasa dalam pelbagai zaman, baik di zaman klasik, moden, dan pascamoden. Telah ditunjukkan bahasa menjadi inti kajian strukturalisme yang kemudiannya dibinasakan oleh pandangan pascastrukturalisme yang di dalamnya banyak pemikiran tentang wacana dan kekuasaan bahasa dalam sastera, lebih-lebih lagi pandangan Foucault dan Deleuze. Teori itu bangun dan jatuh dalam perkembangan dunia kebahasaan dan kesusasteraan.

Antara sekian banyak teori, pendekatan dan gagasan itu yang menyentuh wacana bahasa dalam sastera, ada sebuah teori yang khusus berakar daripada kedaulatan bahasa dalam sastera, teori tersebut ialah stilistik. Teori ini secara khusus mendekati kesusasteraan semata-mata melalui metodologi bahasa. Wawasan dan pengamatan pendekatan stilistik mengutamakan penghakiman yang mengkhusus terhadap aplikasi bahasa. Daripada aspek bahasa, pembahasaan dan gaya, pembicaraan menyusuri komponen yang menjadi struktur sesebuah karya. Justeru itu, konsep dan prinsip utama pendekatan ini ialah melihat teks sastera atau karya sastera sebagai bahan utama, dan dari situ membuka kemungkinan untuk mengkaji aspek-aspek lain dalam pembinaan dan penciptaan karya tersebut.

Secara umum definisi stilistik ialah kajian terhadap keseluruhan karya yang berpusat kepada penggunaan bahasa dan bertujuan untuk memperlihatkan sejauh mana keberhasilan seseorang pengarang itu mengolah bahasa yang sesuai sebagai penerapan karya kreatif yang bersifat imaginatif, figuratif, simbolik, dan memiliki unsur-unsur estetika sambil mampu menyuguhkan persoalan dan pemikirannya. Juga merupakan satu kajian terhadap karya yang menekankan aspek bagaimana untuk menulis sesebuah karya dengan baik dan cara mengeksploitasikan bahasa dengan sebaik-baiknya pula (Toolan, Michael, 1998).

Telah ditunjukkan sebelum ini, formalistik wacana bahasanya dengan menganalisis pemilihan perkataan, penyusunan ayat dan pemberian makna kepada ungkapan ayat tersebut sebagai dasar dan rangka huraian. Di samping itu, dikaji juga aspek-aspek yang berhubung dengan unsur-unsur dramatik bahasa seperti pertandingan, simile, metafora, personifikasi, dan unsur-unsur lain yang turut menjiwai pembinaan bahasa kreatif. Pada umumnya pendekatan stilistik juga meneliti ruang lingkup penggunaan bahasa dari sudut pemilihan diksi, struktur ayat dan pemberian atau kandungan makna dalam ungkapan, cuma yang berbeza ialah teknik dan mekanismenya. Oleh kerana pendekatan stilistik mempunyai konsep dan teknik yang tersendiri,

matlamat atau tujuan analisis itu lebih bersifat sastera di zaman ini. Teknik struktural ialah konvensional dan fungsinya hanya setakat menghuraikan sahaja, tetapi tidak mampu membuat suatu analisis mendalam yang dapat dimanfaatkan oleh penulis dan pembaca karya. Dengan kata lain, analisis pendekatan stilistik lebih moden dan benar-benar berkeupayaan mencerakinkan serta membedah persoalan bahasa dan gaya dalam karya.

Suatu hakikat yang harus disedari dan difahami ialah pendekatan stilistik ini mempunyai pertalian yang amat akrab dengan ilmu linguistik. Stilistik sebenarnya cabang atau pecahan daripada linguistik gunaan atau terapan. Martabat serta kecemerlangan diangkat sebagai suatu pendekatan dan metodologi setelah munculnya teori Tatabahasa Transformasi Generatif ciptaan Noam Chomsky. Pendekatan ini agak berbeza dengan penelitian pembahasaan yang diprinsipkan oleh Panini dan Bijleveld. Menurut teori ini seperti yang dihuraikan oleh Richard Ohmann (1964), setiap penutur asli sesuatu bahasa natural telah menyimpang dari rumus-rumus gramatis bahasa dalam otaknya semasa proses perolehan berlaku dan rumus-rumus ini telah menjadi pengetahuan semula jadi yang disebut *competence*. Penuturnya menggunakan rumus-rumus gramatis bahasanya secara tidak sedar dalam percakapan atau penulisan.

Setiap orang mempunyai rumus-rumus bahasa gramatis tersebut tetapi penggunaannya yang sebenar dalam berbahasa tidak sama, justeru setiap orang mempunyai daya persembahan atau *performance* yang berlainan. Dengan kata lain, struktur dalam yang dimiliki oleh manusia sebagai asas hubungan adalah sama, tetapi berbeza cara penurunan atau penyampaiannya. Dalam konteks ini, penulis mempunyai cara yang berbeza dalam mengungkapkan ayat-ayat. Tegasnya, penggunaan transformasi yang berbeza untuk melahirkan ilham dan idea. Penggunaan transformasi yang sama dan berulang membolehkan gaya kreatif diidentifikasi. Seseorang pengarang tanpa disedarinya selalu mengulang transformasi yang digemarinya, ini akan memperlihatkan susuk atau struktur ayat yang dapat dikenal sehingga idiosinkratik yang unik bagi seseorang penulis itu dapat diketahui. Akhirnya dapat ditentukan peribadi atau individualisme seseorang itu dalam berbahasa.

Justeru pertalian yang rapat dengan linguistik dan teori aplikasi dari tatabahasa transformasi generatif, menyebabkan seseorang pengaplikasi atau pengamal pendekatan ini wajib mengetahui ilmu linguistik. Dengan kata lain, stilistik ialah melihat penggunaan bahasa secara teori serta aplikasi linguistik dan menggunakan teknik serta mekanisme linguistik. Di sinilah perbezaan besar yang terdapat antara pendekatan stilistik dengan huraian aspek bahasa dalam pendekatan struktural.

Persediaan awal seseorang pengamal pendekatan stilistik bergantung kepada penguasaannya terhadap ilmu linguistik. Seseorang linguist tidak akan lahir sebagai pengkritik, jika dia sendiri buta terhadap sastera lebih-lebih lagi struktur dalaman sesebuah karya. Sebenarnya, pendekatan linguistik terhadap kesusasteraan memerlukan dua kemahiran, pertama pengetahuan linguistik dan kedua pengetahuan terhadap asasi dalam karya. Jika tidak, katakanlah sebuah analisis yang dilakukan oleh seorang yang cukup mahir dengan transformasi generatif, tetapi dia tidak mengetahui selok-belok isi dan bentuk karya sastera, sudah pasti motif kritikan tidak akan sampai ke mana-mana. Inilah yang sering dilaung-laungkan oleh para pengamal formalisme sebagai suatu pemusnahan terhadap analisis kritikan sastera.

Metodologi Stilistik

Metodologi kritikan stilistik mempunyai beberapa prinsip dan konsep yang harus ditaati. Pertama, menganggap atau mengiktiraf bahasa sebagai punca kegiatan berkreatif. Kecekapan dan kemampuan berbahasa, apalagi mengeksploitasi segala dimensi kebahasaan untuk sesebuah karya dianggap sebagai bakat. Bakat bagi pendekatan ini ialah kemampuan berbahasa. Dengan hal yang demikian, seseorang pengarang atau bakal pengarang, kepandaian berbahasa sangatlah dituntut. Ini tidak bererti dia semestinya seorang ahli bahasa atau linguist yang mahir dan hafal dengan kaedah dan rumus-rumus tatabahasa. Kemampuan atau keluarbiasaan menggunakan bahasa terutama yang bercorak kreatif, sangat dihormati dan dinilai oleh pendekatan ini. Berpandukan prinsip tersebut, analisis karya sastera, sesungguhnya merupakan suatu huraian tentang bakat dan kebolehan kepengarangan seseorang. Jadi, analisis itu tidak semata-mata dalam lingkungan pengaplikasian bahasa semata-mata, tetapi sampai kepada keunggulan penulis.

Kedua, dalam pengertian umum, stilistik ialah menganalisis aspek penggunaan bahasa dan aspek-aspek pembahasaan dalam karya, tetapi berfungsi menganalisis keseluruhan karya tersebut. Maksudnya, stilistik juga membincangkan aspek persoalan tema, pemikiran, dan falsafah karya di samping aspek makna atau semantik. Makna dan semantik diertikan sebagai persoalan dan tema karya tersebut.

Cuma penekanan aspek makna dalam pandangan stilistik agak berbeza dengan penghuraian aspek tema dalam pendekatan struktural. Stilistik lebih melihat kepada unsur-unsur makna yang dapat ditanggap daripada ayat-

ayat yang terbina, iaitu ayat-ayat pada keseluruhan karya. Ada beberapa bahagian yang dilihat dalam aspek makna ini, iaitu makna yang mudah difahami, mudah dimengerti, ada yang mengandungi hanya satu pengertian, banyak maksud, bersimbolik, dan sebagainya. Apa yang penting ialah pendekatan stilistik membuat penganalisan aspek persoalan dengan lebih mendalam, justeru dalam beberapa hal tertentu menyusuri dengan makna yang bersangkutan paut dengan premis dan pengertian yang tersembunyi dalam ayat. Oleh sebab itu di antara salah satu peranan atau tugas penting kritikan stilistik ini ialah kemampuannya menganalisis karya-karya yang bersifat abstrak dan fantastik yang sukar difahami. Dengan menggunakan kaedah linguistik rajah pohon dan pecahan ayat, tetap mampu menghuraikan pengertian yang tersimpan dalam struktur dalaman penuturan.

Ketiga, penekanan yang agak penting dan utama dalam penyelidikan dan analisis stilistik ialah melihat gaya peribadi atau gaya individualisme. Menurut J.M. Muray (1960), gaya adalah menjadi milik penulis seperti warna kepada pelukis. Ertinya, setiap pengarang mempunyai gaya masing-masing, sama seperti pelukis mempunyai kegemaran memilih warna mereka. Gaya itu sebenarnya bukanlah teknik penulisan, bukan mekanisme dan cara menggunakan bahasa, tetapi gaya yang sebenarnya ialah corak penulisan yang dapat mewakili diri seseorang pengarang. Dengan kata lain, gaya ialah hasil kejayaan seseorang pengarang menggunakan bahasa yang dapat memperlihatkan peribadi dan keunggulannya dalam berkarya.

Stilistik menurut Enkvist (1973) tidak sahaja melihat atau meneliti gaya individualisme, tetapi juga gaya sesuatu zaman, kumpulan, aliran dan sebagainya. Gaya penulisan adalah berbeza daripada suatu zaman ke zaman yang lain dan diubah oleh peristiwa-peristiwa politik, ekonomi, dan sebagainya. Gaya bahasa dalam zaman sebelum perang berbeza dengan gaya bahasa sesudah perang. Gaya bahasa dalam novel yang ditulis sebelum merdeka berbeza dengan gaya bahasa pada tahun 1980-an. Begitu juga gaya bahasa dalam kumpulan atau institusi mempunyai perbezaan. ASAS 50, masih menggunakan bahasa ala romantisme dan realisme, sedangkan golongan penulis itu tidak lagi menggunakan romantisme. Gaya dalam aliran realisme, misalnya, dalam drama seperti yang ditulis oleh Kala Dewata dan Othman Haji Zainuddin, juga berbeza dengan gaya bahasa beraliran absurdisme yang ditulis oleh Dinsman dan Johan Jaaffar. Dalam hal ini, stilistik cuba membuat penelitian terhadap penggunaan bahasa dalam sesuatu zaman, institusi dan aliran, kemudian menyorot dan sudut persamaan dan perbezaan berserta contoh, alasan dan hujah.

Keempat, oleh kerana dalam sesebuah karya itu terdapat pelbagai jenis

dan kategori perkataan dan ayat, stilistik akan membuat huraian terhadap pembentukan ayat dan pemilihan perkataan. Ini bermaksud menghuraikan istilah tertentu seperti homonim, eufoni, wacana, sinkof, katalek, apodosis, paronomasia, dan sebagainya.

Bahasa daerah, bahasa pasar, bahasa berdaftar dan ungkapan-ungkapan lain, termasuk juga dalam kajian stilistik, iaitu terhadap pembentukan perkataan dan pembinaan ayat. Kajian-kajian terhadap bahasa daerah dan bahasa pasar mempunyai pertalian dengan cabang linguistik yang berurusan dengan aspek kemasyarakatan, iaitu sosiolinguistik dan dialektologi. Secara tidak langsung, seseorang pengkaji memerlukan sedikit sebanyak pengetahuan dalam sosiolinguistik dan dialektologi.

Bahasa pasar wujud dari manifestasi komunikasi di antara berbagai-bagai kaum, yang tidak berupaya menuturkan bahasa baku dan gramatis. Bahasa komunikasi bersifat situasi dan diucapkan oleh manusia tertentu. Pengarang selalunya menggunakan dialog bahasa pasar untuk merealistikkan latar dan perwatakan dalam sesebuah karya. Dengan itu, melahirkan semacam corak dalam pembinaan gaya seseorang penulis. Penggunaan bahasa daerah banyak digunakan dalam konteks penutur dalam satu bangsa tetapi berlainan suku atau tempat tinggal. Sementara bahasa berdaftar atau *register*, diucapkan oleh segolongan manusia yang mempunyai budaya dan adat istiadatnya sendiri, misalnya, golongan aristokrat, bangsawan dan feodal yang memiliki gaya bahasa tersendiri untuk berkomunikasi sesama mereka.

Dengan menggunakan pendekatan stilistik, istilah penggunaan perkataan, seperti homonim dan paronomasia, serta kategori pembinaan seperti bahasa pasar dan bahasa daerah, bukan sahaja dapat dianalisis, diasingkan dan dicari fungsinya dalam penggunaan karya kreatif, tetapi yang penting, ialah dapat membantu pembaca supaya memahami sesebuah karya sastera itu. Dari sudut inilah sebenarnya pendekatan stilistik memberikan faedah yang besar kepada masyarakat di samping menolong mereka memahami perkataan yang susah dan ayat-ayat yang kompleks dan unik. Dari sudut yang lain, kegemaran seseorang pengarang mengaplikasikan sesuatu jenis perkataan atau pembinaan ayat seperti bahasa daerah, memberikan gaya kepada para penulisnya. Shahnnon Ahmad dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* gemar mcnggunakan bahasa daerah Kedah. Syed Alwi Alhady dalam *Hang Tuah Pahlawan Melayu* kaya dengan bahasa berdaftar dan A. Wahab Ali dalam *Isteri Leong Beranak* banyak mcnggunakan bahasa pasar.

Kelima, sesuai dengan peranan pendekatan stilistik, yang bukan sahaja mengkhususkan bidangnya dalam lingkungan dunia teori dan praktis pembahasaan dalam karya, tetapi juga membuat analisis terhadap per-

watakan. Bagi mengenal atau mengidentifikasikan perwatakan, hendaklah digunakan kaedah analisis statistik. Perkataan yang digunakan oleh suatu watak itu perlu diteliti dengan menghimpunkannya dalam suatu ruang tertentu bagi sesuatu perkataan yang kerap dan sering digunakan. Misalnya, berapa kerap perkataan *rasa*, *malu*, *kita* dan sebagainya digunakan oleh watak tersebut.

Daripada data keseringan dan kelumrahan penggunaan perkataan dan bentuk ayat, peribadi sesuatu watak itu dapat dikesan. Seseorang yang amat kerap menggunakan perkataan susah, tinggi, dan abstrak dengan penyusunan ayatnya agak kompleks dan panjang, dapat membuktikan penulisnya seorang yang amat gemar menggunakan imbuhan, singkatan, tidak banyak suku kata, tetapi mengandungi keseringan kata kerja kognitif, dapat diidentifikasi sebagai manusia yang sukakan kemesraan, tidak mahu menyusahkan diri dan ia selalu bersikap percayakan diri sendiri. Gaya bahasa yang sedemikian juga menimbulkan perasaan belas kasihan dan simpati pembaca terhadapnya.

Begitulah seterusnya kajian terhadap penggunaan perkataan dan susuk ayat yang diucapkan oleh watak-watak dapat mengenal peribadi mereka. Kajian ini terpaksa dilakukan secara pengumpulan perkataan yang didasarkan dari keseringan dan kelumrahan penggunaan. Kemudian dibuat carta, distatistikkan dan dianalisis, sehingga mendapat keputusan atau natijah bagi membuktikan sifat penggunaan bahasa seseorang itu. Pekerjaan ini adalah rumit tetapi tidak sulit dan memerlukan ketekunan dan kerajinan. Hasil yang didapati daripada analisis statistik adalah tepat dan dapat menolong dengan baik untuk mengenal sifat perwatakan.

Sebenarnya pendekatan stilistik ini juga dapat digunakan untuk mengenal gaya peribadi penulis. Dari penggunaan bahasa yang digunakan, seperti yang dilakukan untuk kaedah mengenal watak tadi, akhirnya akan sampai kepada satu kesimpulan bagi mengenal identiti pengarang. Ada masanya, kajian individualisme ini boleh dilakukan terhadap beberapa karya daripada pengarang yang berbeza untuk mengenal peribadi penulis dari sudut persamaan dan perbezaan. Pendekatan ini juga boleh dilakukan terhadap seseorang pengarang dengan membuat data dan statistik karya-karyanya untuk melihat perbezaan atau keunggulan gaya yang dimiliki oleh seseorang pengarang itu. Cuma, pendekatan ini seperti yang ditegaskan, memerlukan kerajinan, kesungguhan, dan faham pula bagaimana cara hendak menstatistikkannya.

Keenam, pendekatan stilistik juga menekankan penelitian tentang bagaimana sesebuah karya sastra itu dihasilkan. Selama ini beberapa pendekatan telah dapat mengemukakan beberapa teori dan praktis yang menunjukkan bagaimana proses penciptaan itu berlaku. Pendekatan

sosiologikal menyatakan bahawa penciptaan adalah hasil dorongan kemasyarakatan, pendekatan moral menemui teori pengarang mahu mengajar sesuatu dan pendekatan psikologikal pula berhasil menyuguhkan hubungan sublimasi dengan perasaan separuh sedar manusia yang menggerakkan seseorang itu untuk berkarya. Tetapi pendekatan stilistik menemukan teori bahawa terdapat unsur-unsur kebahasaan yang sebenarnya menggerakkan seseorang itu untuk berkreaitif.

Hasil daripada kajian Steiner (1967) menyatakan, bahawa pada masa lalu, teori kesusasteraan berasaskan anggapan bahasa sebuah hasil kesusasteraan adalah perilaku bahasa yang dapat diselidiki secara behaviouristik oleh sebab perilaku bahasa itu mempunyai realiti di dunia luar seperti perilaku bahasa-bahasa yang lain. Mengikut teori lama ini, sesebuah karya itu tidak dapat diselidiki secara berfaedah jika beranggapan bahawa wujudnya hanya dalam pemikiran penulis, pembaca ataupun semacam paduan pemikiran antara pengarang dan pembacanya.

Dalam zaman moden ini, hasil daripada beberapa penemuan dalam teori ilmu gaya telah menemukan suatu teori baru dalam kajian kesusasteraan, dan penemuan ini sangat berharga dan penting, iaitu teori bagaimana sesebuah karya sastera itu dihasilkan. Teori kajian karya yang menggunakan analisis linguistik ini dapat memberikan sumbangan besar kepada masalah pokok penciptaan, iaitu berupaya menyuguhkan dengan jelas bagaimana proses sesebuah karya sastera itu dihasilkan dari peringkat alif hingga ke ya.

Ketujuh, pendekatan stilistik tidak sahaja menganalisis bagaimana sesebuah karya itu dihasilkan, tetapi juga menghuraikan bagaimana karya tersebut dapat difahami dan dihargai oleh pembaca. Stilistik yang berurusan dalam soal bahasa, cuba membincangkan sama ada penggunaan bahasa yang digunakan oleh seseorang pengarang itu boleh difahami dan dinikmati keseronokannya. Karya sastera mengandungi berbagai-bagai keseratan logika perwatakan, tema dan pemikiran. Karya sastera juga memiliki aspek-aspek kerumitan dan liku-liku kepengarangan dan semuanya disampaikan melalui bahasa.

Apabila sesebuah karya telah disiapkan dan dihadapkan kepada pembaca, adakah boleh difahami dan dinikmati oleh pembacanya? Apakah unsur-unsur perlambangan, ambiguiti, pergandaan makna, personafikasi, metafora, dan sebagainya yang menjadi inti rukun keindahan dan kekuatan karya sastera dapat dihayati dan diapresiasi dengan sebaiknya oleh golongan pembaca? Sesebuah sajak umpamanya, sering mendapat penilaian dan tanggapan yang berbeza. Karya-karya abstrak dan beraliran absurdisme dikatakan hanya sesuai untuk golongan intelektual dan elit. Karya yang

bercorak masyarakat pula dikategorikan hanya sesuai untuk masyarakat sederhana. Kesan daripada tanggapan dan fahaman itu sebenarnya berpunca daripada bahasa. Bahasa pembaca yang memutuskan sastera itu harus begitu dan begitu, dan keputusan itu pula berdasarkan kepada fahaman dan pengertian yang didapati hasil daripada pembacaannya.

Pendekatan stilistik berusaha untuk mendekatkan jurang perbezaan makna. Meskipun pernah diteorikan bagi sesebuah karya yang baik itu, di antara syaratnya ialah mempunyai ambiguiti makna atau makna berganda, tetapi di sini bermaksud, karya yang mempunyai makna tertentu cuba ditanggapi setepat mungkin. Jika berganda atau bersymbol, apakah pengertian dan makna sebenar pergandaan dan symbol tersebut (Toolan, Michael, 1998).

Bagi menolong para pembaca memahami sesebuah karya, pendekatan ini mengutarakan cadangan bagaimana untuk membaca sesebuah karya dengan cara yang betul. Terutama bagi puisi, iaitu sajak, yang panjang dan banyak stanzanya dan agak sukar difahami akibat salah cara membacanya. Dalam hubungan ini, stilistik memperkenalkan analisis aspek fonologi atau fonemik dengan suatu kaedah saintifik kaji pola irama dan pencerakinan ayat-ayat menurut subjek dan predikatnya dengan menggunakan rajah pohon. Yang lebih penting lagi bagaimana mengemukakan suatu sistem penilaian bagi memahami aspek semantik atau makna dalam ayat-ayat yang dibina oleh penulis.

Daripada huraian tersebut, dapatlah ditunjukkan betapa besarnya peranan yang dimainkan oleh linguistik dalam bidang penghayatan, pengapresiasian, dan penilaian karya sastera. Memang sudah lama, (sejak zaman Greek lagi) aspek bahasa ini diambil berat oleh para pengkritik dan mereka sentiasa membina teori-teori dan teknik-teknik penganalisan yang paling moden dan saintifik, hingga terciptalah pendekatan stilistik ini yang banyak mendapat sumbangan daripada tatabahasa teori transformasi generatif Noam Chomsky. Tidak syak lagi bahawa pendekatan stilistik merupakan teknik penilaian yang paling moden dan berkesan bagi menolong menjelaskan, bagaimana sebuah karya yang bermutu dapat dihasilkan di samping menolong para pembaca untuk memahami karya tersebut setepat dan sedekat mungkin yang diharap oleh penulis.

ALIRAN WACANA STILISTIK

Terdapat beberapa aliran dalam teori stilistik. Pengetahuan tentang aliran ini, dapat membantu kefahaman pada masa mengaplikasikannya. Aliran dalam pendekatan stilistik sebenarnya muncul untuk memudahkan seseorang

menganalisis sesebuah karya sastera. Ada tiga aliran atau jenis dalam pendekatan stilistik.

Kajian dan huraian Donald C. Freeman (1970) merupakan yang paling jelas dan lengkap mengenai ketiga-tiga aliran dalam kritikan stilistik ini. Dalam huraian pertama menjelaskan bahawa pendekatan ini berpegang kepada mazhab atau definisi konsep, iaitu stilistik sebagai suatu kajian bahasa sastera yang menyalahi norma. Sebagai bahasa kreatif yang sifatnya penuh imaginatif, figuratif, simbolik, dan berbagai-bagai unsur estetika yang lain, ada masanya oleh kerana pengarang terlalu mementingkan keindahan dan kekuatan serta ketepatan berbahasa bagi kepentingan karya itu, norma-norma bahasa telah dikesampingkan.

Dalam konteks memberikan pengertian norma bahasa, berlaku beberapa tafsiran dan fahaman yang mengakibatkan munculnya aliran-aliran baru dalam kritikan stilistik. Ada yang berpendapat, norma bahasa yang disebutkan ialah tatabahasa. Jadi dengan itu, golongan ini berpendapat, stilistik ialah pendekatan dan metodologi kesusasteraan yang meneliti dan menganalisis bahasa sastera yang menyalahi tatabahasa. Mereka berpendapat, oleh kerana bahasa sastera itu terpaksa menggunakan berbagai-bagai cara dalam memmanifestasikan persoalan, pemikiran, falsafah, dan premis karya serta ingin pula mendapatkan keberkesanan yang sebesar mungkin, maka pengarang dibolehkan menyalahi tatabahasa.

Maksud dari rangkai kata “menyalahi norma” dianggap membolehkan para pengarang bebas daripada kaedah tatabahasa. Dengan tanggapan dan keyakinan tersebut, dalam kritikan dan penciptaan sastera, para pengkritik dan penulisnya terlepas daripada kongkongan dan pembelengguan nahu bahasa. Para penulis berasa ini adalah hak mereka sebagai pengkarya, kerana tanpa kebebasan dari nahu, mereka tidak akan dapat mencurahkan perasaan dan pemikiran dengan sepenuhnya. Dalam banyak hal tatabahasa atau nahu bahasa menyekat kreativiti pengarang.

Tatabahasa juga mempunyai rumus-rumus yang tertentu yang mengikat pengarang dalam peluasan fikiran. Seperti puisi tradisional yang kaya dengan syarat dan rukun, dapat melahirkan apa yang sepatutnya hendak dilahirkan. Kelahiran puisi moden yang bebas sama maksudnya dengan peranan stilistik yang telah membebaskan pengarangnya dari ikatan kreativiti. Interpretasi norma bahasa sebagai tatabahasa bagaimanapun tidaklah memberikan kebebasan yang seratus peratus kepada para pengarang mengeksploitasi bahasa, sehingga bahasa yang digunakan tercemar, rosak dan hancur. Untuk mengelakkan gaya stereotaip, klise, dan longgar, seseorang pengarang diberikan kebebasan melakukan kesalahan dari

tatabahasa. Kebebasan penyalahan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan gaya tersendiri di samping menguatkan karya. Kesalahan tatabahasa yang terlalu asas dan teras dalam pembinaan bahasa yang standard dan gramatis tidak digalakkan, kecuali jika sudah tidak ada jalan lain.

Ada pula yang berpendapat bahawa pengertian norma bahasa itu sebagai sistem bahasa. Terdapat perbezaan antara tatabahasa dengan sistem bahasa. Tatabahasa adalah hukum bahasa yang rigid, mempunyai kaedah dan peraturan yang tidak boleh dipersoaljawabkan. Sementara sistem bahasa pula adalah lebih longgar daripada tatabahasa dan hanyalah peraturan kecil dalam sesebuah bahasa. Dalam tatabahasa, pembinaan ayat, misalnya, mesti ada subjek dan predikat. Tetapi ayat dasar ini boleh diperpanjangkan atau diperluas dengan adjektif atau sifat. Maka aturan memperpanjangkan atau memperluas ayat ini dimasukkan dalam fahaman sistem bahasa. Setiap bangsa itu mempunyai sistem bahasanya tersendiri. Dalam hubungan adjektif atau sifat, ada bahasa yang menyebutkannya dahulu seperti dalam bahasa Inggeris, sementara dalam bahasa Melayu akan disebut kemudian.

Dalam penelitian, golongan ini berpendapat bahawa beberapa unsur dramatik bahasa seperti personafikasi, simile, perbandingan dan sebagainya adalah terkeluar daripada tatabahasa biasa, dan dianggap sebagai mempunyai sistem sendiri. Jadi, pengarang adalah bebas dalam membina rumus-rumus sistem bahasa itu. Dengan kata lain, pengarang dibenarkan mengeksploitasi segala dimensi keindahan bahasa bagi mewujudkan sistem-sistem bahasa. Para pengkritik pula seharusnya menjadikan skop sistem bahasa tersebut sebagai bidang kajiannya.

Dalam banyak hal, para pengkritik tidak mahu campur tangan dalam perbalahan tafsiran rangkai kata “menyalahi norma” itu. Sama ada yang dimaksudkan dengan norma itu sebagai tatabahasa atau sistem bahasa, mereka beranggapan bahawa seseorang pengarang yang ingin mencipta gaya bahasa yang indah, lebih-lebih lagi mengkreasi gaya peribadi, mestilah bersedia melakukan penyalahan dari rumus-rumus bahasa atau struktur gaya bahasa yang lazim. Sebenarnya, perkataan “menyalahi” atau yang disebut oleh Donald C. Freeman *deviation*, menimbulkan fahaman yang berbeza. Penyimpangan di sini boleh diertikan sebagai masih mentaati tatabahasa tetapi mencipta sistem dan rumus bahasa sendiri. Ada juga yang bermaksud sebagai suatu penyelewengan yang terkeluar sama sekali dari tatabahasa. Ini samalâh juga, perbalahan dari pengertian “pencemaran bahasa”. Ada yang berpendapat bahawa jika kesalahan itu adalah kecil sahaja seperti kesalahan ejaan atau peminjaman daripada bahasa asing, tidak dianggap sebagai pencemaran bahasa kerana hal-hal seperti itu adalah perkara biasa. Pencemaran dalam

erti sebenarnya ialah apabila keseluruhan tata dan sistem bahasa telah dimusnah atau dihancurkan. Sebaliknya ada pula yang beranggapan, bahawa pencemaran bahasa adalah satu ciri bahasa semula jadi dan tidak dapat dielakkan, lebih-lebih lagi pada bahasa yang sedang membangun.

Diharapkan perbincangan ini dapat menjelaskan beberapa fahaman terhadap pengertian “menyalahi norma” yang dimaksudkan oleh pendekatan stilistik ini. Oleh kerana terdapatnya perbezaan fahaman dan perlu dibuat kesimpulan. Penulis sendiri bersetuju untuk menyatakan bahawa “menyalahi norma” itu sebagai deviasi terhadap tatabahasa dan sistem bahasa itu sendiri. Dalam sudut penyalahan tatabahasa, tidaklah dimaksudkan yang seseorang pengarang itu lepas bebas dalam memanipulasikan penggunaan bahasa dan hanya dapat dilakukan dengan beberapa syarat. Syarat yang pertama deviasi itu dilakukan dengan penuh kesedaran di samping memahami betul-betul bidang yang hendak dieksperimentalkannya itu.

Hanya dengan kesedaran dan ilmu tatabahasa sebagai dasar penciptaan, dia tidak akan melakukan sesuatu yang drastik sifatnya dan penyelewengan dapat dikategorikan sebagai pemusnahan bahasa. Rasanya tidak ada pengarang yang cuba atau mahu memusnahkan bahasa. Segala kegiatan deviasi bahasa dan eksperimen adalah untuk mendapatkan keindahan dan kekuatan, lebih-lebih lagi bagi mencipta stail peribadi. Cuma kadang-kadang di luar kemampuan, pemusnahan atau pencemaran bahasa itu berlaku juga.

Seseorang pengkritik yang mahu mengamalkan pendekatan stilistik dari sudut pendevisian bahasa ini, sekurang-kurangnya sebagai dasar penilaian perlu mempunyai empat kemahiran. Pertama, mengetahui tatabahasa dengan sepenuhnya. Kedua, menguasai apa yang dimaksudkan sebagai sistem dan rumus bahasa. Ketiga, mempunyai pengetahuan bagaimana hendak membuktikan penyimpangan tersebut, seperti menggunakan rajah pohon atau pencerakinan bahasa menurut transformasi generatif yang dibahagikan kepada struktur dalaman dan struktur luaran. Keempat, dapat menguasai aspek unsur dramatik bahasa dengan baik, ini termasuklah sistem dan rumus yang membina bahasa tersebut.

Penganalisan deviasi dan variasi bahasa ini dapat dibuat terhadap kesemua aspek bahasa seperti fonologi, leksikal, sintaksis, semantik, dan juga unsur-unsur bahasa dramatik seperti imej, simbol, metafora dan sebagainya. Setiap aspek mempunyai pecahan atau pembahagiannya. Aliran memegang konsép menyalahi norma ini mendapat tempat yang paling agung dalam pendekatan stilistik. Malah, para pengkaji kesusasteraan menganggapnya suatu keistimewaan. Kejayaannya menimbulkan aspek-aspek bahasa di luar daripada ciri-ciri biasa, nahu, dan sistem bahasa bagi menyampaikan

mesej, pemikiran dan sebagainya sangatlah disanjung tinggi. Sebelum ini, kajian bahasa dalam pendekatan struktural hanya berkisar di sekitar keindahan bahasa yang terkawal dalam nahu yang diizinkan dan tidak membenarkan para penciptanya bereksperimen lebih jauh. Kesusasteraan tidak akan maju selagi terikat dengan kaedah bahasa. Peraturan yang rigid akan mengikat kreativiti pengarang. Dalam sajak misalnya, penggunaan bahasa dengan sengaja lari dari kaedah yang biasa, dan jika tidak, tidak akan disebut sajak.

Perulangan Memperkuatkan Makna

Aliran atau mazhab kedua dalam pendekatan stilistik ialah yang meneliti stail dari sudut perulangan pola-pola. Dalam penciptaannya, para pengarang berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan kesan dan kekuatan sebanyak mungkin, jadi salah satu usaha yang dapat dilakukan ialah dengan melakukan perulangan. Perulangan bererti sesuatu perkara itu ditekankan, diambil perhatian atau merupakan perkara yang sangat penting. Perulangan juga sebenarnya dapat menimbulkan keindahan.

Satu sifat penciptaan karya sastera ialah keinginan atau kegemaran pengarangnya melakukan perulangan dalam berbagai-bagai bentuk pola sama ada dari fonologi, morfologi, diksi, sintaksis, dan sebagainya. Puisi misalnya, mempunyai kecenderungan yang amat luas dalam perulangan ini terutama dari sudut bunyi. Perulangan harus dilakukan dengan tujuan untuk memperkuat makna atau menegaskan kepentingannya dan tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya sahaja. Perulangan tanpa tujuan dan hanya untuk mencipta atau mendapatkan stail akan melemahkan karya, malah boleh menghancurkannya. Unsur-unsur kejemuan juga akan mempengaruhi karya yang mengandungi banyak perulangan.

Dalam kajian terhadap perulangan ini, terutama dalam aspek bunyi bahasa, puisi yang kerap menggunakannya. Beberapa istilah sastera seperti efifora, aliterasi, asonansi dan sebagainya adalah istilah yang menunjukkan berlakunya perulangan bunyi. Efifora, misalnya, merupakan analisis terhadap perulangan rima yang berlaku di hujung ataupun rima akhir.

Aliterasi ialah corak bunyi yang dilakukan secara berulang-ulang dalam konsonan dan asonansi pula perulangan dalam penggunaan vokalnya. Cuba perhatikan sajak Muhammad Haji Salleh, yang bertajuk "Murung" berikut:

*Waktu aku murung
aku mau kau memelukku
dan cairkan mendung
di kepalaku*

Sajak pendek ini, jika dibaca beberapa kali, amat terasa perulangan vokal “u” dan konsonan “m”, “n” dan “k”. Perulangan “u” menyedapkan pembacaan dan menimbulkan suasana kesedihan dan kesepian. Sementara penggunaan “m” dan “n” menimbulkan kenyaringan suara akibat daripada menaikkan tekanan suara ketika menyebutkannya. Perulangan antara aliterasi dengan asonansi terasa dilakukan dengan cukup harmoni dan dapat menimbulkan suasana melankolik yang hendak dibangunkan oleh pengarang. Sama ada pengarang sedar atau tidak di atas kejayaan sajak tersebut hasil keharmonian daripada perulangan bunyi, dapat dibuktikan bahawa perulangan sedemikian sebenarnya menjadi syarat kejayaan sesebuah sajak.

Pendekatan stilistik dalam aliran ini menekankan bahawa perulangan dalam sesebuah karya sastera sebagai suatu cara pengarang berekspresi. Jika digunakan dengan baik akan dapat menjadi satu stail kepada penulisnya. Perulangan sememangnya tidak dapat dielakkan, cuma yang penting bagaimana pengarang menggunakan teknik perulangan tersebut. Sama ada perulangan dari segi bunyi, perkataan, ayat, makna atau unsur-unsur bahasa yang lainnya, sedikit sebanyak akan memberikan kesan kepada keindahan dan kekuatan karya, malah satu ciri yang akan membentuk peribadi pengarang.

EKSPLOITASI BAHASA

Aliran yang ketiga adalah yang memfokuskan kajian gaya dari sudut eksploitasi kemungkinan tatabahasa atau dengan pengertian yang umum, eksploitasi dari segala dimensi bahasa untuk mendapatkan stail. Aliran ini berpendapat bahawa stail terjelma apabila seseorang itu melakukan pelbagai cara dan teknik penggunaan bahasa baik dari sudut penentuan bunyi, pemilihan perkataan, pembinaan ayat, pemberian makna, dan berbagai-bagai unsur lagi yang dapat dijadikan bahan bagi mencapai tujuan tersebut.

Tentulah dalam aplikasi atau semasa mencipta, peranan bahasa sangat penting, malah telah dibuktikan bahawa stilistik juga mempunyai kaitan dengan proses penciptaan. Jadi, sewaktu menulis, pengarang secara sedar akan mengatur bahasanya dengan sebaik mungkin. Keinginan untuk mendapatkan keindahan bahasa bagi seseorang pengarang sebenarnya bersifat naluriah dan tumbuh bersama bakat. Tujuan pencapaian keindahan bahasa adalah untuk menjayakan hasratnya menyuguhkan persoalan atau pemikiran karya. Dan bahasa yang indah akan dapat menyampaikan persoalan atau pemikiran tersebut dengan cukup menarik dan dapat mempesonakan pembaca. Sifat mempesona bagi sesebuah karya adalah penting kerana ini merupakan ciri kejayaan sesebuah karya itu.

Aliran ini melihat pembinaan bahasa sastera atau gaya oleh seseorang penulis itu sebagai suatu aktiviti berpanjangan yang memerlukan kedinamikan, keseriusan, kesungguhan, dan sentiasa mencuba sedaya upaya memperbaharui bahasanya. Pada mereka bahasa itu ibarat pakaian, jika terus dipakai akan lusuh dan luntur. Begitulah bahasa yang sering digunakan tanpa pembaharuan akan menjadi stereotaip dan klise, lusuh dan luntur, tidak bertenaga dan tidak berjaya. Justeru itu, seseorang pengarang yang besar azamnya dan kuat usahanya akan sentiasa memperbaharui cara berbahasa sehingga bahasanya seperti kain yang sentiasa baru.

Sesuai dengan satu kritikan dalam stilistik, tentulah dasar eksploitasinya berpandukan kepada pengetahuan tentang struktur asas dan permukaan, serta transformasi bahasa seperti yang diteorikan oleh Noam Chomsky. Eksploitasi ini banyak di sekitar kemungkinan dalam struktur tatabahasa yang memungkinkan seseorang pengarang mencipta bentuk pengucapan yang asli. Jika ini diusahakan dengan baik bentuk-bentuk baru dalam kesusasteraan juga akan tercipta.

Kritikan stilistik dalam aliran ini percaya bahasa genre dalam kesusasteraan tercipta dari pengaruh eksperimen dalam bahasa. Suatu masa dahulu di zaman feudal, sastera dikenali dengan puisi pantun, syair dan masnawi. Implikasinya dari penerokaan penggunaan bahasa telah melahirkan puisi bebas, iaitu sajak. Dari sajak dicipta lagi beberapa genre modennya yang lain melalui eksperimen seperti puisi prosa atau *prose poem* dan puisi bersajak atau *lyric poem*. Begitulah seterusnya dicipta genre baru seperti novel puitis atau *poetic novel*, drama bersajak atau *pase play* dan sebagainya. Kesemuanya adalah hasil daripada eksploitasi bahasa.

Kajian Roger Fowler (1977) telah membuktikan kenyataan itu sambil menekankan pengetahuan transformasi generatif membolehkan seseorang penulis itu membentuk corak dan bentuk ekspresi. Dengan usaha mengeksploitasi semua dimensi bahasa akan melahirkan penulis yang mempunyai gaya yang tersendiri dan cara berkarya dengan penuh semangat dan menggunakan pelbagai teknik.

Dalam aliran ini, stilistik menekankan juga betapa pentingnya seseorang pengarang itu mengaplikasikan dalam karya mereka penggunaan unsur-unsur bahasa dramatik. Unsur-unsur bahasa dramatik ini ialah eksploitasi bahasa yang dapat membangunkan keindahan dan kekuatan ungkapan, seperti stikometri, epigram, aforisme, malaforisme, *puns*, perbandingan dan sebagainya.

Stikometri merupakan unsur yang sangat sesuai digunakan dalam saat-saat yang genting, terutama dalam babak pertarungan dan resah-gelisah dan dibina hasil daripada persamaan rentak dan rima bahasa. Epigram pula

unsur yang dapat menimbulkan makna yang ironik dan ilusi serta paradoks yang sinis supaya kesinisan sesebuah karya itu dapat diperkuat. Dan situasi akan lebih terjamin jika dibantu pula dengan unsur wit, iaitu bahasa sindiran atau jenaka yang bersifat estetika.

Ramai pengkritik yang sering menekankan kepada para pengkaji atau para pengkritik yang lain seperti Edward P.J. Corbatt dan Vincent Ryaug Ruggieno menjelaskan supaya berhati-hati semasa menelaah karya dari sudut stilistik ini. Kadang-kadang berlaku kesilapan, yang dinilai atau dianalisis bukannya gaya, stail, dan bentuk pengucapan tetapi teknik kepengarangan. Meskipun teknik kepengarangan merupakan sebahagian daripada unsur yang membina gaya keperibadian tetapi stail bukanlah teknik pengarang (Wales K., 1989).

PRINSIP KAJIAN STILISTIK

Berikut dibincangkan prinsip aplikasi wacana teori stilistik J.J. Webber dalam bukunya *The Stylistics Reader* (1989) dengan menyediakan banyak langkah yang diberikan. Pertama, pendekatan stilistik ini membicarakan aspek penggunaan bunyi atau fonologi. Dalam konteks pembicaraan, aspek ini melihat taburan penggunaan bunyi seperti meneliti aspek asonansi, aliterasi, rima, dan sebagainya. Tidak sahaja berpusat dari sudut kekerapan penggunaan untuk menimbulkan keindahan dan kekuatan, tetapi stilistik juga melihat sudut-sudut kelainan atau variasi dalam penggunaannya. Sebagai contoh perhatikan sajak A. Ghafar Ibrahim yang berikut:

gak
 gak
 gak
 gak
 gak
 gagak-gagak bukan mau berlagak gagak jiwa mereka menggelegak
 hidupakan api
 api kehidupan segar
 nikmati sepi
 sepi yang tidak mati-mati
 gak
 gak
 gak
 gak
 gak

Sebagai pengkaji stilistik, seharusnya bukan sahaja melihat taburan aliterasi dan asonansi, tetapi yang lebih penting membandingkan variasi karya tersebut dengan sajak yang lain. Fonem “gak” digunakan berulang dengan perkataan “gagak”, “berlagak” dan “mengegelegak”. Sajak ini lebih memberatkan sifat visual, menggabungkan diri dengan perkara yang hendak digambarkan sebagai kesatuan antara rupa, bentuk dan isi. Penggunaan bunyinya melahirkan nada garang, meninggi, bongkak, cepat rentaknya sesuai dengan personifikasi dan lambang burung gagak.

Imejnya sebagai sebuah kehidupan yang agak kacau, kontradiksi dan misteri di angkasa damai, tetapi telah dirobek oleh bunyi-bunyi perulangan yang menimbulkan kebisingan. Muziknya menjadi cepat tetapi agak harmoni meskipun tajam tikamannya kepada indera dengar. Pengarangnya memang menyusun atau memilih bunyi secara sedar, sekali lihat seperti ada pengaruh dan rima puisi tradisional, tetapi sebenarnya itu merupakan sebuah sajak yang mempunyai perbezaan dari sajak konvensional.

Kedua, stilistik melihat penggunaan perkataan, diksi atau leksikal, lebih-lebih lagi dari sudut pendevisiannya. Sebagai contoh, lihat kembali sajak A. Ghafar Ibrahim. Pemilihan perkataan sajak tersebut berdasarkan bunyi gak, dengan disuguhkan “gagak”, “berlagak” dan “mengegelegak”. Perkataan itu digunakan sebagai usaha pengarang untuk menggambarkan situasi kehidupan burung gagak sebagai simbol kehidupan manusia yang garang dan ganas, di samping kelihatan unsur kegoyahan dan ketidaksamaan.

Perkataan “api” dihubungkan dengan “kehidupan segar”, melahirkan suatu lukisan yang kontradiksi dan sinis. Perkataan “sepi” disuruh “nikmati” kerana ini tidak akan “mati-mati”. Meskipun penyusunannya berdasarkan aliterasi dan asonansi yang diatur dengan sebaiknya, tetapi perkataan yang ditimbulkan mempunyai nada kontras dan agak menyindir.

Dalam kajian aspek penggunaan perkataan dalam fiksyen, banyak perbincangan tentang kesesuaian pemilihan perkataan dengan tema, watak, dan perlonjakan plot. Kemudian bagaimana pemilihan itu didasarkan kepada warna sesebuah karya seperti penggunaan perkataan Inggeris, bahasa pasar, bahasa laras keagamaan dan sebagainya. Begitu juga penggunaan pelbagai istilah lain seperti sinkof, katalek, apodosis, dan sebagainya. Tidak sahaja dinyatakan mengenai kepentingan kegunaannya, tetapi juga bagaimana cara pengarang menggunakannya. Walau bagaimanapun, yang paling mustahak ialah melihat atau menganalisis hasil daripada penggunaan perkataan itu dalam menentukan keberkesanan sesebuah karya. Adakah karya itu dapat meninggalkan kesan kepada pembaca? Adakah pengarangnya berjaya menimbulkan kesan kemesraan antara pembaca dengan karya tersebut? Yang

paling penting, adakah perkataannya mampu menyuguhkan persoalan dan pemikiran yang hendak disampaikan.

Ketiga, ialah penilaian terhadap pembentukan ayat atau struktur sintaksis. Dalam perbincangan konvensional, susunan ayat biasanya ditekankan dari sudut panjang pendeknya. Pembinaan panjang pendek ayat haruslah sesuai dengan suasana dan keadaan peristiwa. Stilistik juga memerhatikan analisis seperti ini, tetapi penekanannya lebih kepada aspek penyimpangan yang dilakukan untuk menimbulkan gaya yang berkesan atau gaya yang menolong sesebuah karya itu menjadi baik.

Dalam aspek ini, ada juga pengarang yang menyalahgunakan seperti penjodoh untuk binatang, jadilah: "saya berkawan dengan seekor manusia dan membenci seorang monyet". Ayat ini memang ternyata salah dari segi penjodoh bilangan, tetapi pengarang sengaja melakukan sedemikian untuk mendapatkan makna menyindir atau mengandungi unsur kesinisan. Apabila dibaca, terasa keunikan atau keganjilan, tetapi maknanya menusuk ke dalam jiwa.

Keempat, kajian terhadap makna atau semantik. Penggunaan bahasa bermula dari taburan bunyi, pemilihan perkataan dan penyusunan ayat, sebenarnya bertujuan untuk mendapatkan makna. Makna yang tersirat di hati pengarang adalah untuk memenuhi naluri karyanya. Justeru itu, pengarang menggunakan berbagai-bagai cara dalam aspek pengalihan makna ini. Pendekatan stilistik sangat berharap kepada para pengamalnya supaya dapat membuktikan sama ada karya yang dikajinya itu telah difahami makna atau sukar dihayati ataupun pada peringkat pertengahan, iaitu tidak senang dan tidak susah. Penentuan ini pula harus diselaraskan sama ada sesuai dengan teknik dan tema karya.

Makna sukar dapat dilihat pada sesebuah karya yang menggunakan perlambangan atau mempunyai makna ganda atau ambiguiti. Jadi, fungsi pendekatan stilistik ialah mengemukakan apakah perlambangan, pergandaan, dan ambiguiti dalam karya tersebut supaya dapat membantu pembaca memahaminya di samping melihat aspek penyimpangan dalam makna. Secara langsung, perlambangan dan ambiguiti dapat digolongkan sebagai penyimpangan dalam makna, cuma yang penting bagaimana stilistik membuktikannya. Pembuktian dapat dibuat dengan menggunakan rajah pohon atau cerakinan ayat yang menceraikan antara subjek dengan predikat, dan kemudian menunjukkan perbezaan makna dengan struktur luaran. Di sini harus digunakan transformasi generatif dengan struktur luaran berbeza dengan dalamannya. Tanpa pengetahuan transformasi generatif, pencerakinan tidak dapat dilakukan.

Dalam kajian aspek semantik ini juga, pengkaji mengaitkan dengan persoalan, pemikiran lebih-lebih lagi premis karya tersebut. Dengan membuat analisis secara terperinci, melihat struktur luaran dan dalaman, nescaya peneliti yang mahir akan dapat menangkap premis yang menjadi tulang belakang karya. Perbincangan dalam aspek persoalan, pemikiran dan premis perlu dilakukan dengan cermat dan tajam. Unsur-unsur simbolik, pergandaan makna, dan ambiguiti juga boleh dibincangkan serentak.

Proses penciptaan atau bagaimana sesebuah karya itu dihasilkan dapat dibincangkan di sini. Justeru aspek semantik mempunyai pertalian dengan cara pengarang menyampaikan mesejnya. Dengan menganalisis dan menyudahkan maksud karya, diharapkan dapat membantu memahami liku-liku sesebuah karya itu. Lebih-lebih lagi karya yang bercorak abstrak dan absurdisme, penelitiannya haruslah dilakukan dengan terperinci supaya jaring-jaring yang membantutkan fahaman dapat dihuraikan dan dipecahkan.

Kelima, penelitian terhadap unsur-unsur bahasa dramatik. Seperti yang telah ditegaskan, bahawa kekuatan dan keindahan sesebuah karya banyak bergantung kepada eksploitasi bahasa dari segi penggunaan unsur-unsur dramatik. Sesuai dengan nama “bahasa dramatik”, bertujuan untuk memahirkan unsur-unsur dramatik dalam karya. Antara unsur-unsur tersebut ialah perbandingan, simile, stikometri, forisme, dan berbagai-bagai lagi.

Jadi, seseorang pengkaji hendaklah melihat taburan dan data statistik penggunaan unsur-unsur tersebut. Apakah unsur yang banyak digunakannya? Apakah unsur itu sesuai dengan karya? Dan bagaimanakah cara unsur itu digunakan?

Misalnya dalam penggunaan stikometri, adakah memang benar-benar sesuai dan dapat menolong mendramatikkan plot dan berhasil menegangkan suasana yang hendak digambarkan. Stikometri amat sesuai dalam plot yang rancak dan suspens. Kemudian perhatikan sama ada itu merupakan stikometri tradisional atau moden atau sesuatu yang baru dan original. Begitulah tentang unsur-unsur yang lain.

Keenam, setelah membicarakan aspek-aspek fonologi, diksi, sintaksis, semantik, dan unsur-unsur dramatik, maka sampailah ke kemuncak perbincangan pendekatan stilistik, iaitu melihat gaya individualisme. Aspek gaya peribadi ini secara panjang lebar telah pun dibincangkan. Jadi di sini hanyalah untuk menjelaskan bahawa seseorang peneliti stilistik hendaklah membuat pengkajian tentang tahap bahasa seseorang pengarang itu melalui hasil karyanya. Mengikut pendapat pendekatan stilistik, setiap orang mempunyai gaya tersendiri. Jadi, seseorang peneliti stilistik hanya hendak membuktikan sejauh mana kejayaan atau kegagalan seseorang itu dalam

segi membina stail peribadinya. Ada yang sudah cukup kuat seperti Shahnnon Ahmad, atau membina stail sendiri seperti Anwar Ridhwan, atau melakukan eksperimen seperti A. Ghafar Ibrahim dan begitulah seterusnya. Jika sesebuah karya itu ditulis oleh seseorang yang sudah mempunyai gaya seperti Shahnnon Ahmad, perlu dilihat sama ada dia dapat mengekalkan gaya atau membina kelainan gaya, ataupun gayanya mengalami kemunduran. Begitulah seterusnya sehingga analisis itu dapat menentukan gaya peribadi penulis.

Demikianlah tahap-tahap analisis yang dilakukan oleh pendekatan stilistik diurut secara konvensional. Sebenarnya seseorang pengkritik berhak memilih caranya sendiri, tidak perlu memulakan kritiknya dengan fonologi, diksi, sintaksis, dan seterusnya, iaitu tidak ada peraturan yang rigid perlu ditaati. Sesuatu aturan adalah lebih bersifat konvensional dan pendekatan stilistik memulakan penyimpangan dan penyelewengan sebarang usaha yang cuba membanteras konvensional adalah dihargai asal sahaja dilakukan dengan penuh sedar dan tanggungjawab.

Seseorang pengkritik juga tidak dibebankan dengan tanggungjawab untuk melakukan kritik terhadap semua aspek sekali gus. Ertinya, kritikan itu boleh dibuat dalam sesuatu aspek sahaja, seperti aspek fonologi, sintaksis, dan seterusnya. Begitulah juga sesuatu kajian tidak terikat pada aliran pendekatan stilistik, iaitu kritikan boleh dilakukan dengan memegang menyalahi norma, aliran perulangan pola atau aliran eksploitasi dimensi unsur-unsur bahasa. Dengan kata lain, seseorang itu boleh membuat analisisnya dengan berpandukan daripada salah satu aliran stilistik. Misalnya, dengan menggunakan aliran menyalahi norma, maka kajiannya adalah menyeluruh atau sebahagian daripada aspek fonologi, diksi, sintaksis, semantik, unsur bahasa dramatik, dan gaya individualisme (Simpson, P., 1996:121-125).

Begitulah juga aliran perulangan pola dan eksploitasi segala dimensi bahasa boleh digunakan untuk meneliti aspek-aspek kebahasaan. Pendeknya, seseorang pengkritik stilistik, tidak semestinya memasuki semua bidang kajian yang dibincangkan baik dalam bahagian konsep, prinsip atau tahap-tahap penelitian yang telah dikemukakan. Tetapi sebaiknya dengan memasuki semua bidang tersebut supaya dapat satu penelitian yang menyeluruh dan lengkap. Tidak syak lagi, pendekatan stilistik merupakan pendekatan yang sangat penting dan berguna untuk menentukan sama ada sesebuah karya itu berjaya atau tidak, sama juga dengan pengarang itu cemerlang atau tidak; yang kesemuanya dilihat daripada wacana bahasanya.

KESIMPULAN

Demikianlah makalah ini telah cuba membincangkan wacana bahasa dalam pelbagai teori sastera, terutamanya pada zaman pascamoden ini. Sejak dari zaman klasik memasuki zaman moden, bahasa tetap menjadi subjek penting dalam tulisan kesusuasteraan dan kebahasaan. Dalam setiap zaman itu memperlihatkan peranan bahasa semakin penting, dan agenda sastera banyak terletak pada bahasa. Daripada formalisme Rusia, formalistik, strukturalisme, pascastrukturalisme hingga ke zaman pascamodenisme, aspek bahasa menjadi tunjang dan tujahan kajian. Malah, muncul sebuah teori yang khusus untuknya yang dinamakan stilistik. Sejak Foucault memulakan tradisi wacananya, bahasa telah dijadikan subjek perdebatan. Bahasa adalah peradaban manusia.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 1980. *Analisa Wacana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Appignanesi, Richard dan Garratt, Chris, 1999. *Mengenal Post-modernisme*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Baudrillard, Jean, 1981. *For a Critique of the Political Economy of the Sign*. New York: Telos Press.
- Danziger, M.K., dan Johnson W.S., 1983. *Pengenalan Kritikan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Enkvist, Nils E., 1973. *Linguistics and Style*, Amsterdam: North- Holland Publishing Company.
- Fokkema, D.W., 1978. *Theories of Literature in the Twentieth Century*. London: C. Hurst & Corporation.
- Fowler, Roger, 1977. *Essay on Style and Language*. New York: Routledge and Kegan Paul.
- Freeman, Donald C., 1970. *Linguistics and Literature Style*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Foucault, Michael, 1980. *Power/Knowledge*. London: The Harvester Press.
- Guerin, Wilfred L., et al., 1999. *A Handbook of Critical Approaches to Literature*. Oxford: Oxford University Press.
- Harland, Richard, 1993. *Beyond Superstructuralism*. New York: Routledge.
- Hayes, Curtis W., 1969. *Linguistics and Literature: Prose and Poetry*. New York: Harper and Row.
- Lacan, Jacques, 1968. *The Language of the Self*. New York: Delta Books.
- Lacan, Jacques, 1972. "The Mirror Stage", dlm. Easthope, Antony dan McGowan,

- Kate (ed.). *A Critical and Cultural Theory Reader*. Buckingham: Open University Press.
- Lacan, Jacques, 1977. *Ericts: A Selection*. London: Tavistock Puiblication.
- Lacan, Jacques, 1977. *The Four Fundamental Concepts of Psychoanalysis*. London: Tavistock Publication.
- Levin, Samuel, 1962. *Linguistic Structure in Poetry*. Hague: The Hague Press.
- Liaw Yock Fang, 1970. *Ikhtisar Kritik Sastera*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Lutfi Abas, 1982. "Keindahan Sastera Melalui Analisa Wacana", dlm. Farid M. Onn (ed.). *Stilistik Simposium Keindahan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maria Sikana, 2003. *Membina Keunggulan Tradisi Sastera*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Mangantar Simanjuk, 1979. "Aplikasi Linguistik dalam Pengkajian dan Penulisan Karya Krcatif", dlm. Farid M. Onn (penyusun). *Stilistik Simposium Keindahan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mellard, James M., 1991. *Using Lacan: Reading Fiction*. Urbana: University of Illinois Press.
- Mukarovskiy, J., 1984. "Standard Language and Poetic Language", dlm. *Prague School Reader on Asihetic, Literary Structure and Style*. New York: Paul Gavin.
- Murray, J.M., 1960. *The Problem of Style*. London: Oxford Paperback.
- Norris, Christopher, 1983. *Deconstruction: Theory and Practice*. New York: Methuen.
- Ohmann, Richard, 1964. "Generative Grammars and the Concept of Literary of Literary Style", dlm. Donald C. Freeman, *Linguistics and Literary Style*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Ouden, Bernard Den, 1975. *Language and Creativity*. Lisse: The Peter de Ridder Press.
- Sarup, Madan, 1993. *Post-structuralism and Post-modernism, An Introductory Guide to Post-structuralism and Post-modernism*. London: Harvester Wheatsheaf.
- Saussure, Ferdinand de, 1983. *Course in General Linguistics*. London: Peten Owen.
- Selden Raman and Widdowson, 1993. *Contemporary Literary Theory*. Lexington: The University of Kentucky.
- Simpson, P., 1996. *Language Through Literature*. London: Routledge.
- Steiner, George, 1967. *Language and Silence*. London: Faber and Faber.
- Toolan, Michael, 1998. *Language in Literature: An Introduction to Stylistics*. New York: Arnold.
- Wales, K., 1989. *A Dictionary of Stylistics*. London: Harlow.
- Webber, J.J., 1989. *The Stylistics Reader: From Roman Jakobson to the Present*. London: Arnold.